

# PROSODI DAN SUPRASEGMENTAL

- Prosodi dan Suprasegmental kajian tentang pelbagai aspek intonasi seperti tekanan, panjang, tona dan persendian
- **Intonasi**

Turun naik atau tinggi rendah nada suara  
Dalam bahasa Melayu intonasi mempunyai peranan yang amat penting dalam ayat berbanding perkataan. Dalam intonasi terkandung tekanan, panjang, tona dan pensendian.

- **Tekanan**

Unsur tekanan adalah bunyi suprasegmental yang dihasilkan bersama perkataan atau suku kata. Bunyi tekanan diberi lambang [ ' ]

Dalam bahasa Melayu tekanan kuat selalu berlaku pada suku kata kedua dalam perkataan.

Cth: [ru'mah] / [kam'pung] – bahasa Melayu tidak distingtif  
bahasa Inggeris distingtif

/ 'export/ –mengeksport

/ ex'port /– benda yang dieksport

- **Panjang**

Ada bunyi yang panjang ada bunyi yang pendek. Ia bukanlah bunyi biasa yang diucapkan dengan panjang.

Dalam bahasa Melayu unsur ini tidak ada. Walaupun mananya bunyi boleh dipanjangkan tetapi tidak distingtif. Unsur panjang ini diberi lambang [.] ½ mora, [:] 1 mora dan [::] 2 mora. Cth: /sip/ = kapal manakala /si:p/ = kambing biri-biri.

- **Tona**

Unsur lagu yang ada pada sesuatu perkataan. Tona juga menggunakan unsur lain seperti nada, kelantangan, tekanan dan panjang yang menimbulkan pola lagu dalam perkataan atau ayat. Bahasa Melayu tona hanya ada dalam ayat tidak perkataan. Tetapi dalam bahasa Mandarin tona terdapat dalam perkataan dan distingtif.

Cth: tona datar                    /- ma/ = ibu

tona meninggi                    / ma/ = guni

tona turun naik                    / ma/ = kuda

tona menurun                    / ma/ = marah

- **Persendian**

Persendian ialah unsur senyap dalam ujaran [+] dan dapat memisahkan perkataan dan membawa perubahan makna.

Cth: */basuhkan+tin/* basuh tin

*/basuh+kantin/* basuh kantin